

▼22/08/13-35MST

CNS9746

R GB 22-08 00163 BA002

bah

LIM YANG MULAKAN ISU SENSITIF, KATA MAHATHIR

Mahathir - Lim

LANGKAWI, 22 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata beliau membangkitkan isu mengenai DAP dan agama Islam baru-baru ini setelah Setiausaha Agung Lim Kit Siang terlebih dahulu menimbulkan isu sensitif.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata punca beliau menimbulkan perkara itu ialah kerana Lim selalu membangkitkan isu sensitif.

+Dia yang mula, bukan saya yang mula,+ katanya kepada pemberita di lapangan terbang antarabangsa di sini ketika diminta mengulas laporan polis yang dibuat oleh Lim terhadapnya.

Ketika diminta mengulas kemungkinan Lim menyamannya, Perdana Menteri berkata: +kalau dia ada asas, dia nak dakwa di mahkamah, itu hak dia.+

Dr Mahathir baru-baru ini mendakwa DAP sebagai sebuah parti yang tidak suka kepada agama Islam kerana parti itu tidak pernah membantah sekiranya orang Cina memeluk agama lain tetapi sebaliknya suka mendesak orang Cina yang menganut agama Islam supaya meninggalkan agama itu. -- Lagi

▼22/08/12-45MST

CNS9751

R GB 22-08 00166 BA003

bah

Mahathir - Lim 2 Langkawi

Menurut Perdana Menteri, Lim juga tidak pernah menyuarakan pendiriannya berhubung keganasan puak Serbia ke atas orang-orang Islam di Bosnia seolah-olah penindasan yang berlaku terhadap orang Islam tidak mengapa tetapi sekiranya berlaku ke atas bangsa lain, ia baru menjadi isu.

Ketika mengulas laporan akhbar mengenai resolusi yang diluluskan pada Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua baru-baru ini, yang mendesak supaya kerajaan menghapuskan perbezaan taraf antara Bumiputera dan bukan Bumiputera secepat mungkin, beliau berkata:

+Itu dia punya desakan...sama ada kita layan atau tidak itu perkara lain...terpulanglah kepada kita untuk membuat keputusan apa pun.+

Semasa ditanya sama ada wajar atau tidak desakan itu dibuat, Dr Mahathir berkata sesetengah orang berpendapat bahawa desakan itu tidak wajar tetapi mereka yang membuat desakan itu berfikir mungkin apa salahnya mereka membuat desakan seumpama itu.

Ditanya pula sama ada kerajaan akan membuat keputusan mengenainya atau tidak, beliau berkata: +Kita tengoklah...itu cakap mereka dalam kongres sahaja.+ -- Lagi

▼22/08/12-49MST

CNS9752

R GB 22-08 00079 BA004

bah

Mahathir - Lim (Akhir) 3 Langkawi

Resolusi itu, yang merupakan resolusi utama antara 10 resolusi yang dilulus sebulat suara pada kongres itu, meminta supaya taraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera dihapuskan secepat mungkin bagi membolehkan semua warga negara bersaing dan bersepadu dalam bidang ekonomi.

Kongres itu mahu kerajaan menjadikan merit dan keperluan sekarang sebagai prinsip utama menggubal dasar pembangunan ekonomi negara ke arah mencapai perpaduan menjelang tahun 2020. -- Bernama

▼22/08/12-50MST